

Sabtu, 9 September 2023 BH

7,500 kuota pekerja gunting rambut, tekstil, emas dibuka

Tiga kementerian teliti mekanisme laksanakan pengambilan dibeku sejak 2009

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jemaah Menteri, semalam, bersetuju membuka 7,500 kuota bagi pengambilan subsektor perkhidmatan tukang gunting rambut, pekerja tekstil dan tukang emas.

Ia susulan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Isnin lalu untuk membuka semula pengambilan pekerja asing bagi tiga subsektor perkhidmatan itu yang sebelum ini dibekukan sejak 2009.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata susulan itu, kementeriannya bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) akan memperhalusi mekanisme yang bersesuaian bagi tujuan pelaksanaan proses berkenaan.

Beliau berkata, mekanisme itu penting berikutan kerajaan pada masa ini sudah menghentikan permohonan dan kelulusan kuota pekerja asing.

"Hari ini (semalam) Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan KDN sudah membentangkan Memorandum Jemaah Menteri berkaitan beberapa keputusan mesyuarat bersama dua kementerian yang diadakan pada 27 Jun lalu termasuk pembukaan tiga subsektor ini.

"Namun saya ingin maklumkan bahawa pembukaan semula ini tidak bersifat menyeluruh dan akan berlandaskan kepada keperluan sebenar subsektor tukang gunting rambut, tekstil dan tukang emas.

"Justeru, sebanyak 7,500 kuota dibuka bagi pengambilan subsektor perkhidmatan tukang gunting rambut, pekerja tekstil dan tukang emas, berdasarkan keputusan Jemaah Menteri hari ini (semalam)," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Sivakumar berkata, mekanisme yang dibangun akan menitikberatkan berhubung permohonan yang perlu tertakluk kepada perincian kuota ditetapkan me-



Tukang emas antara tiga subsektor perkhidmatan pengambilan pekerja asing yang dibenarkan kerajaan.
(Foto Faiz Anuar/BH)

ngikut tiga subsektor.

Selaras perincian kuota

Selain itu, katanya, KPDN selaku agensi kawal selia perlu menyelaras perincian kuota terbabit dengan pihak industri bagi tujuan permohonan pekerja asing berdasarkan mekanisme yang akan ditetapkan.

"Permohonan pekerja asing juga akan mengikut prosedur sediada dari segi saringan majikan mengikut Seksyen 60K Akta Kerja 1955 dan verifikasi untuk kelulusan kuota termasuk melalui proses temu duga bersama KPDN," katanya.

Beliau berkata, langkah pem-

bukaan semula tiga subsektor itu berupaya menghentikan kecenderungan majikan mengajikan warganegara asing tanpa dokumen pekerjaan yang sah.

Katanya, kecenderungan itu sekali gus berpotensi besar untuk menyebabkan berlakunya eksploitasi dan amalan buruh paksa.

"Saya yakin pengumuman ini akan membantu pengusaha masyarakat India yang terkesan selama ini akibat kesukaran mendapatkan pekerja tempatan sehingga menjadikan kelangsungan operasi perniagaan serta berhadapan risiko menutup perniagaan mereka," katanya.

Ibadat&Fadilat

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda: "Bukanlah kekayaan itu kerana banyaknya harta, sebaliknya kekayaan itu ialah kaya hati (jiwa)." (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:02	1:19	4:21	7:23	8:33
Alor Setar	6:02	1:18	4:20	7:23	8:33
P. Pinang	6:03	1:19	4:18	7:23	8:32
Ipoh	6:01	1:16	4:16	7:20	8:30
Kuala Lumpur	5:58	1:14	4:17	7:17	8:26
Shah Alam	5:58	1:14	4:17	7:17	8:26
Johor Bahru	5:51	1:05	4:11	7:08	8:17
Kuantan	5:53	1:08	4:12	7:11	8:20
Seremban	5:58	1:12	4:16	7:15	8:25
Bandar Melaka	5:57	1:11	4:16	7:14	8:23
Kota Bharu	5:55	1:11	4:12	7:16	8:21
K. Terengganu	5:51	1:07	4:07	7:11	8:21
Kota Kinabalu	5:01	12:17	3:17	6:21	7:31
Kuching	5:26	12:40	3:46	6:43	7:52